Glosari, Akronim dan Singkatan

Akaun kewangan
Rekod urus niaga yang melibatkan aset dan liabiliti kewangan dan yang berlaku antara pemastautin dengan bukan pemastautin bagi sesebuah negara.

Akaun semasa
Catatan transaksi negara dengan seluruh dunia terutamanya dagangan bersih negara untuk barangan dan perkhidmatan, perolehan daripada pelaburan merentas sempadan serta pendapatan bersih dan bayaran pindahan.

Aset selamat
Aset kewangan yang dijangka mengekalkan atau meningkatkan nilai apabila terdapat tekanan yang ketara dalam pasaran kewangan dan ketidaktentuan ekonomi. Lazimnya, pelabur menganggap aset ini mempunyai pulangan yang dijamin.

Barangan budi bicara
Barangan tidak penting yang dibelanjakan oleh isi rumah dengan pendapatan mereka. Contoh barangan ini termasuk perbelanjaan di restoran dan hotel serta aktiviti rekreasi.

Bil Antara Bank BNM (Bank Negara Interbank Bills, BNIB)
Nota diskaun jangka pendek dengan tempoh matang sehingga satu tahun dan layak sebagai aset mudah tunai berkualiti tinggi (*high-quality liquid assets*, HQLA) Tahap 1. BNIB hanya boleh dibeli oleh dan didagangkan dalam kalangan bank berlesen dan bank pelaburan berlesen.

Cukai barangan bernilai rendah (*low-value goods*, LVG)
Cukai jualan sebanyak 10% ke atas barangan bernilai RM500 atau kurang yang diimport ke Malaysia melalui jalan darat, laut atau udara. Cukai ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2024.

Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)
Cukai jualan ialah cukai satu peringkat yang dikenakan ke atas barangan bercukai yang diimport ke Malaysia serta barangan keluaran tempatan oleh orang yang boleh dikenakan cukai, tertakluk pada Akta Cukai Jualan 2018. Cukai perkhidmatan ialah cukai yang dikenakan pada perkhidmatan bercukai yang disediakan oleh orang yang boleh dikenakan cukai di Malaysia dalam menjalankan dan melanjutkan perniagaan, tertakluk pada Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

Dominasi fiskal
Keadaan apabila keputusan dasar monetari dipengaruhi oleh pertimbangan fiskal terutamanya menerusi kelemahan hutang awam.

Ekonomi gig
Ekonomi gig ditakrifkan sebagai sistem sosioekonomi yang dikuasakan oleh platform digital yang membolehkan perkongsian aset dan sumber antara individu, kerajaan dan/ atau perniagaan. Hal ini meningkatkan penggunaan aset dan sumber atau menggalakkan akses berbanding pemilikan aset dan sumber.

Entiti bukan pemastautin
Unit institusi yang terlibat dalam kegiatan dan urus niaga ekonomi untuk tempoh setahun atau lebih dari lokasi di luar Malaysia.

Entiti pemastautin
Unit institusi yang terlibat dalam kegiatan dan urus niaga ekonomi untuk tempoh satu tahun atau lebih dari lokasi di Malaysia.

Fasiliti lindung nilai
Instrumen kewangan yang membolehkan pelabur mengurangkan risiko pelaburan dengan menggunakan derivatif kewangan seperti opsyen, swap dan kontrak hadapan.

Guna tenaga tidak penuh
Guna tenaga tidak penuh boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu guna tenaga tidak penuh berkaitan masa dan guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran. Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa ditakrifkan sebagai mereka yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu disebabkan oleh sifat kerja mereka atau disebabkan oleh kerja yang tidak mencukupi. Selain itu, mereka ini berupaya dan bersedia menerima waktu kerja tambahan. Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran ditakrifkan sebagai mereka yang berpendidikan tinggi dan membuat pekerjaan separa mahir dan pekerjaan berkemahiran rendah.

Had bawah efektif/had bawah sifar
Dicirikan oleh satu peringkat yang mencabar bagi bank-bank pusat untuk menurunkan lagi kadar faedah jangka pendek bagi merancakkan ekonomi.

Harga bandingan
Harga untuk satu barang atau segmen dalam kumpulan Indeks Harga Pengguna (IHP), berbanding dengan barang pengguna lain, yang didorong oleh dinamik bekalan dan permintaan yang khusus kepada barangan tersebut, dan bukannya mencerminkan trend lebih luas yang mempengaruhi tahap harga umum.

Sebagai contoh, harga relatif buah epal boleh meningkat berbanding limau apabila terdapat permintaan buah epal yang tinggi atau bekalan epal yang kurang dalam ekonomi. Sehubungan dengan itu, pengguna akan terdorong untuk menyesuaikan pengambilan buah epal berbanding limau. Walau bagaimanapun, memandangkan perubahan harga bandingan tidak melibatkan kumpulan barangan dan perkhidmatan yang lebih besar dalam ekonomi, maka, hal ini tidak menyebabkan perubahan pada paras harga umum.

Imbangan pembayaran
Ringkasan statistik urus niaga ekonomi antara pemastautin dengan bukan pemastautin bagi sesebuah negara dalam tempoh masa tertentu.

Inflasi asas
Komponen trend inflasi yang berterusan. Lazimnya, inflasi asas dibentuk dengan mengeluarkan komponen sementara dan bermusim daripada inflasi keseluruhan.

Inflasi harga pengeluar
Perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengeluar (IHPR) bagi pengeluaran tempatan, yang merupakan indeks berasaskan output yang mengukur harga barangan yang dijual kepada pasaran dalam negeri yang dikenakan oleh pengeluar pada harga lepas kilang.

Inflasi keseluruhan
Kenaikan harga tahunan untuk kumpulan barangan yang lazimnya digunakan oleh isi rumah biasa. Bagi Malaysia, inflasi keseluruhan dikira berdasarkan kumpulan barangan Indeks Harga Pengguna (IHP).

Inflasi teras
Pengukuran inflasi asas. Satu kaedah pengiraan lazim adalah dengan tidak mengambil kira barangan yang turun naik harganya dianggap sebagai sementara dalam kumpulan barangan Indeks Harga Pengguna (IHP). Barangan ini termasuk barangan dan perkhidmatan yang harganya tidak menentu dan harganya yang ditadbir. Inflasi teras yang dianggarkan oleh Bank Negara Malaysia juga tidak termasuk anggaran kesan langsung daripada perubahan dasar cukai penggunaan.

Inflasi tolakan kos
Tekanan inflasi yang didorong oleh kenaikan harga yang berpunca daripada kos pengeluaran yang lebih tinggi.

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC)
Badan yang bertanggungjawab untuk merumuskan dasar monetari dan dasar-dasar untuk menjalankan operasi dasar monetari, seperti yang ditetapkan dalam Akta Bank Negara Malaysia 2009.

Kadar Asas (Base Rate, BR) purata berwajaran
Berkuat kuasa pada bulan Januari 2015, Kadar Asas (BR) adalah kadar rujukan utama bagi pinjaman kadar terapung runcit yang baharu. BR ditentukan oleh penanda aras kos dana penyedia perkhidmatan kewangan (*financial service provider*, FSP) dan Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR). Komponen penentuan harga pinjaman yang lain seperti risiko kredit peminjam, premium risiko mudah tunai, kos operasi dan margin keuntungan akan dicerminkan dalam spread yang melebihi BR. Purata BR FSP diberikan wajaran berasaskan bahagian pinjaman kadar terapung terkumpul setiap FSP.

Nota: Mulai bulan Ogos 2022, BR akan digantikan dengan Kadar Asas Standard (Standardised Base Rate, SBR) sebagai kadar rujukan utama bagi pinjaman kadar terapung runcit yang baharu. SBR dihubungkan hanya kepada OPR, dan komponen lain dalam penentuan harga pinjaman seperti risiko kredit peminjam akan dicerminkan dalam spread yang melebihi paras SBR.

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR)
Penunjuk pendirian dasar monetari Malaysia. Paras OPR ditentukan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari. OPR juga berperanan sebagai kadar sasaran bagi operasi mudah tunai harian Bank, yang akan mempengaruhi kadar faedah lain dalam ekonomi.

Kadar faedah semula jadi
Merujuk paras kadar faedah yang tidak merangsang dan tidak menghalang pertumbuhan ekonomi.

Kawalan harga
Peraturan kerajaan yang menentukan harga maksimum tetap untuk barangan dan perkhidmatan tertentu.

Keadaan kewangan
Keadaan kewangan mencerminkan kemudahan untuk memperoleh pembiayaan dalam ekonomi. Keadaan ini boleh ditakrifkan sebagai keadaan semasa pemboleh ubah kewangan yang mempengaruhi tingkah laku ekonomi dan justeru, memberi kesan terhadap kegiatan ekonomi pada masa hadapan. Keadaan ini biasanya diukur dengan indeks yang dikenali sebagai 'Indeks Keadaan Kewangan (Financial Conditions Index)' yang mengagregatkan pelbagai pemboleh ubah kewangan, seperti harga ekuiti dan kadar hasil bon.

Kecerdasan buatan (AI)
Teknologi yang membolehkan komputer atau mesin mensimulasikan kecerdasan manusia untuk melaksanakan tugas seperti penaakulan, membuat keputusan dan penyelesaian masalah. Contoh teknologi AI termasuk pembantu digital (contoh: Siri, Alexa) sistem pengesyoran (contoh: yang ditawarkan dalam perkhidmatan penstriman, gedung dalam talian dan platform media sosial), serta penciptaan teks atau imej berdasarkan gesaan (juga dikenali sebagai AI generatif).

Kedudukan jualan (Short position)
Kedudukan kewangan apabila sesebuah unit institusi menjual sekuriti (seperti saham atau mata wang asing) yang bukan miliknya dari segi ekonomi. Sekuriti yang dipinjam ini lazimnya dibeli balik dalam pasaran terbuka untuk dipulangkan kepada pemiliknya dari segi ekonomi pada harga dan tarikh yang dipersetujui.

Kedudukan pelaburan antarabangsa (IIP)
Kedudukan kewangan luaran, memperincikan kedudukan aset dan liabiliti kewangan terkumpul negara berbanding dengan seluruh dunia. IIP bersih positif menandakan kedudukan Malaysia sebagai negara pemiutang bersih, manakala IIP bersih negatif menandakan Malaysia sebagai negara penghutang bersih.

Kejutan idiosinkratik terhadap inflasi
Tekanan inflasi yang khusus pada segmen barangan dan perkhidmatan tertentu, dan tidak hanya mencerminkan paras harga umum seluruh kumpulan Indeks Harga Pengguna (IHP). Sebagai contoh, kejutan idiosinkratik kepada pengeluaran sayur boleh menyebabkan harga sayur menjadi lebih tinggi tetapi tidak akan menyebabkan inflasi pada segmen Indeks Harga Pengguna (IHP) lain yang tidak berkaitan, seperti pakaian atau kenderaan.

Keperluan Rizab Berkanun (SRR)
SRR merupakan instrumen pengurusan mudah tunai yang tersedia untuk Bank. SRR digunakan oleh Bank untuk menarik balik atau mengeluarkan mudah tunai kepada sistem perbankan apabila Bank menganggap lebihan atau kekurangan mudah tunai sebagai besar dan bersifat jangka panjang. SRR bukan isyarat pendirian dasar monetari kerana Kadar Dasar Semalaman (OPR) merupakan satu-satunya penunjuk yang digunakan untuk memberikan isyarat tentang pendirian dasar monetari.

Kesan asas
Kesan daripada pengukuran apabila kadar pertumbuhan berasaskan tahun ke tahun untuk bulan yang tertentu, sebahagian besarnya dipengaruhi oleh perbezaan dalam kadar pertumbuhan bulanan bagi bulan asas (iaitu bulan yang sama pada tahun sebelumnya) yang bukan bermusim. Sebagai contoh, jika kadar inflasi sangat rendah pada bulan Januari tahun lalu, kadar inflasi tahun ke tahun pada bulan Januari tahun ini akan menjadi tinggi secara aritmetik walaupun harga pengguna meningkat pada kadar yang sederhana.

Kesan penilaian harga
Keuntungan dan kerugian pemegangan belum direalisasikan ke atas aset dan liabiliti terkumpul berikutan perubahan harga pasaran.

Kesan penilaian kadar pertukaran
Perubahan dalam nilai yang bersamaan dengan ringgit bagi aset dan liabiliti asing dalam denominasi mata wang asing, serta nilai eksport dan import yang disebabkan oleh perubahan kadar pertukaran ringgit.

Kesan pindahan
Kesan tidak langsung atau kesan lata (*cascading impact*) kepada harga Indeks Harga Pengguna (IHP) yang lebih luas, berpunca daripada perubahan harga asal dalam segmen item yang berasingan tetapi mempunyai kaitan . Contoh, harga tenaga yang lebih tinggi boleh menyebabkan kesan pindahan kepada item Indeks Harga Pengguna (IHP) lain kerana kenaikan harga ini merupakan kos input kepada banyak pengeluaran barangan dan perkhidmatan lain.

Kesilapan dan ketinggalan bersih
Item pelarasan atau lebihan yang berlaku apabila akaun semasa, akaun modal dan akaun kewangan tidak setara dengan perubahan dalam rizab antarabangsa disebabkan oleh ketidaksempurnaan sumber data dan penyusunan (contohnya, sumber data tidak lengkap, perbezaan masa catatan dan faktor penilaian).

Kitaran perniagaan
Fenomena ekonomi apabila kegiatan ekonomi yang mengembang dan menguncup secara berkala seiring dengan peredaran masa. Kitaran perniagaan ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk dasar monetari dan fiskal, perubahan sentimen pengguna dan perniagaan serta keadaan ekonomi global.

Langkah-langkah adaptasi
Menurut Intergovernmental Panel on Climate Change (IPCC), langkah-langkah ini merujuk proses pelarasan kepada iklim sebenar atau yang dijangka serta kesannya, bagi mengurangkan kemudaratan atau memanfaatkan peluang.

Langkah-langkah mitigasi
Menurut Intergovernmental Panel on Climate Change (IPCC), langkah-langkah inimerujuk intervensi manusia untuk mengurangkan pelepasan atau meningkatkan singki gas rumah hijau.

Langkah-langkah penyesuaian
Menurut Intergovernmental Panel on Climate Change (IPCC), ia adalah proses adaptasi terhadap situasi iklim dan kesannya, sama ada yang sebenar atau jangkaan, untuk mengurangkan mudarat atau mengeksploitasi peluang yang berfaedah.

Langkah sekatan pergerakan
Dasar yang dikuatkuasakan di seluruh negara oleh Kerajaan untuk mengehadkan pergerakan orang ramai dalam kawasan tertentu dan/atau merentas sempadan bagi mengehadkan penyebaran penyakit berjangkit, seperti COVID-19.

Glosari, Akronim dan Singkatan

Lebihan kapasiti ekonomi
Jumlah sumber dalam ekonomi yang tidak digunakan, seperti input modal terbiar atau individu yang menganggur, disebabkan oleh permintaan yang secara relatif tidak mencukupi berbanding dengan apa yang mampu dihasilkan oleh ekonomi.

Lingkaran inflasi upah
Fenomena di mana persekitaran tekanan inflasi yang meluas dan berterusan mendorong perniagaan untuk terus menaikkan harga berikutan jangkaan inflasi yang lebih tinggi, serta kenaikan upah yang berterusan apabila pekerja terus menuntut upah yang lebih tinggi bagi menampung kuasa membeli mereka yang mungkin hilang. Inflasi upah dan harga boleh menguat antara satu sama lain dan mewujudkan lingkaran, di mana kedua-dua upah dan harga meningkat dengan cepat (Alvarez et al., 2022).

Mudah tunai ringgit terkumpul agregat yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia
Lebihan mudah tunai yang diserap oleh Bank Negara Malaysia melalui operasi monetari dan Keperluan Rizab Berkanun (SRR). Instrumen peminjaman utama yang digunakan untuk tujuan ini termasuk peminjaman langsung daripada pasaran wang, perjanjian pembelian semula (*repo*), penerimaan Qard, Program Komoditi Murabahah (Commodity Murabahah Programme, CMP), swap jual-beli, Nota Monetari Bank Negara (Bank Negara Monetary Notes, BNMN) dan Bil Antara Bank BNM (BNIB).

Operasi pertukaran asing
Usaha untuk memastikan keadaan pasaran yang teratur dalam pasaran pertukaran asing (*foreign exchange*, FX) dalam negeri dengan menguruskan mudah tunai melalui pembelian atau penjualan mata wang asing dan domestik dengan rakan niaga seperti bank perdagangan.

Operasi suntikan mudah tunai
Penggunaan operasi monetari untuk menyediakan mudah tunai kepada sistem perbankan melalui instrumen seperti perjanjian repo berbalik (*reverse repo*) dan kemudahan swap pertukaran asing.

Paras harga umum
Paras purata harga barangan dan perkhidmatan dalam keseluruhan ekonomi untuk suatu tempoh tertentu. Perubahan pada paras harga umum secara amnya mencerminkan kuasa beli pengguna mengikut peredaran masa.

Pelabur institusi domestik
Institusi kewangan pemastautin dengan pemegangan besar aset kewangan dalam pasaran kewangan domestik. Institusi ini termasuk bank, dana pencen dan syarikat insurans.

Pelaburan langsung asing (FDI)
Kategori pelaburan rentas sempadan oleh pelabur bukan pemastautin yang dikaitkan dengan objektif untuk mewujudkan kepentingan berpanjangan dalam perusahaan di Malaysia. 'Kepentingan berpanjangan' adalah apabila terdapat hubungan jangka panjang, iaitu pelabur langsung bukan pemastautin mempunyai tahap pengaruh yang ketara ke atas pengurusan perusahaan tersebut (contohnya, pemilikan sekurang-kurangnya 10% daripada kuasa mengundi).

Pelaburan langsung di luar negeri (DIA)
Kategori pelaburan rentas sempadan oleh pelabur pemastautin Malaysia yang dikaitkan dengan objektif untuk mewujudkan kepentingan berpanjangan dalam perusahaan di luar negeri. 'Kepentingan berpanjangan' adalah apabila terdapat hubungan jangka panjang, iaitu pelabur langsung tersebut mempunyai tahap pengaruh yang ketara ke atas pengurusan perusahaan tersebut (contohnya, pemilikan sekurang-kurangnya 10% daripada kuasa mengundi).

Pelaburan portfolio
Kategori urus niaga dan kedudukan rentas sempadan yang melibatkan sekuriti hutang atau ekuiti dalam pasaran modal, selain yang dikategorikan sebagai pelaburan langsung asing, pelaburan langsung di luar negeri atau urus niaga aset rizab.

Pendapatan primer
Pendapatan yang diperoleh daripada sumbangan kepada proses pengeluaran, peruntukan aset kewangan dan penyewaan sumber semula jadi. Perkara ini termasuk pampasan untuk pekerja (contohnya, upah dan gaji), pendapatan pelaburan (contohnya, dividen), pendapatan faedah serta urus niaga sewa antara pemastautin dengan bukan pemastautin.

Pendapatan sekunder
Pemindahan semasa (penyediaan barangan, perkhidmatan atau aset kewangan) antara pemastautin dengan bukan pemastautin tanpa pulangan ekonomi yang sepadan. Perkara ini termasuk pemindahan oleh kerajaan am, pemindahan peribadi (contohnya, pengiriman wang oleh pekerja asing) dan pemindahan lain dalam bentuk wang tunai ataupun barangan lain.

Pengganda fiskal
Ditakrifkan sebagai kesan perubahan dalam dasar fiskal budi bicara, seperti perbelanjaan kerajaan atau percukaian pada keseluruhan kegiatan ekonomi.

Pengembalian dasar monetari ke paras yang wajar
Tindakan bank-bank pusat untuk mengembalikan pendirian dasar monetari ke paras yang lebih wajar, selaras dengan objektif jangka sederhana untuk mencapai kestabilan makroekonomi.

Penghindaran risiko pelabur
Keadaan apabila pelabur mengutamakan pengekalan modal berbanding dengan potensi pulangan yang lebih tinggi, khususnya dalam persekitaran ketidakpastian yang ketara.

Pengimbangan semula portfolio
Satu proses apabila pelabur atau pengurus dana memperuntukkan semula wajaran aset kewangan dalam portfolio pelaburan mereka. Hal ini dicapai dengan membeli dan menjual aset bagi menyelaraskan pegangan pelabur dengan peruntukan portfolio sasaran.

Perkhidmatan yang berhubung rapat dengan pelanggan
Perkhidmatan yang dicirikan oleh tahap hubungan peribadi dan interaksi bersemuka dengan pelanggan yang tinggi.

Permintaan terpendam
Peningkatan permintaan yang pesat dan bersifat sementara untuk barangan dan perkhidmatan yang jauh melebihi parasnya sebelum kemerosotan ekonomi. Hal ini berlaku apabila pengguna menangguhkan perbelanjaan mereka untuk barangan terpilih semasa tempoh kelembapan ekonomi dan/atau sekatan yang menghalang pembelian tertentu. Keadaan ini seterusnya mengakibatkan peningkatan permintaan yang akan berlaku apabila ekonomi pulih dan/atau sekatan dilonggarkan.

Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) +
Setakat Mac 2024, OPEC merupakan sebuah organisasi yang terdiri daripada 12 Negara Anggota, dengan eksport bersih petroleum mentah yang besar. Matlamat pertubuhan termasuk memastikan kestabilan pasaran minyak untuk mendapat bekalan petroleum yang cekap, berekonomikal dan berkala. Pakatan antara anggota OPEC dengan 10 negara pengeluar minyak bukan ahli, seperti Rusia, dikenali sebagai OPEC+.

Produktiviti pekerja
Produktiviti pekerja merujuk kepada kecekapan dan keberkesanan setiap pekerja untuk menjana output atau nilai tambah. Produktiviti ini dinyatakan sebagai nisbah nilai tambah kepada jumlah jam bekerja atau guna tenaga.

Program pembelian aset
Satu bentuk dasar monetari mengembang yang dilaksanakan oleh bank-bank pusat melalui pembelian bon kerajaan atau sekuriti tertentu lain dengan jumlah yang telah ditetapkan terlebih dahulu, bertujuan untuk menurunkan kadar faedah jangka panjang dan merangsang kegiatan ekonomi.

Revolusi Perindustrian Keempat (4IR)
Fasa keempat pendigitalan sektor perkilangan yang berterusan, didorong oleh gabungan kemajuan teknologi luar biasa seperti kecerdasan buatan, robotik, Internet Benda dan pencetakan 3D. Revolusi ini mengaburi sempadan antara dunia fizikal, digital dan biologi.

Risiko fizikal
Risiko yang dikaitkan dengan kejadian cuaca melampau serta perubahan intensiti kejadian cuaca yang beransur-ansur dan kekal.

Risiko peralihan
Risiko yang timbul berikutan pelarasan yang dibuat oleh kerajaan, perniagaan dan isi rumah dalam menuju ke arah ekonomi rendah karbon.

Upah nominal
Upah nominal ialah upah yang dinyatakan dalam bentuk monetari dan tidak diselaraskan untuk inflasi.

Glosari, Akronim dan Singkatan

ALR
Kadar pinjaman purata

AS
Amerika Syarikat

BNM
Bank Negara Malaysia

BRF
Kemudahan Permodalan Semula Perniagaan

CAPB
Baki Utama Terlaras Kitaran

DIA
Pelaburan langsung luar negeri

DSPB
Baki Utama Penstabilan Hutang

E&E
Elektrik dan elektronik

E&O
Kesilapan dan ketinggalan

ECRL
Laluan Rel Pantai Timur

EME
Ekonomi sedang pesat membangun

ESG
Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus

EU
Kawasan Eropah

FCY
Mata wang asing

FD
Deposit tetap

FDI
Pelaburan langsung asing

FOMC
Federal Open Market Committee

FPC
Jawatankuasa Dasar Fiskal

GLC
Syarikat Berkaitan Kerajaan

GLIC
Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan

IHP
Indeks Harga Pengguna

IHPR
Indeks Harga Pengeluar

IIP
Kedudukan pelaburan antarabangsa

IoT
Internet Benda

KDNK
Keluaran Dalam Negeri Kasar

KLIBOR
Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur

LCTF
Kemudahan Peralihan Karbon Rendah

LRT3
Transit Aliran Ringan 3

M&E
Jentera dan kelengkapan

MPC
Jawatankuasa Dasar Monetari

MTEN
Majlis Tindakan Ekonomi Negara

NEER
Kadar Pertukaran Efektif Nominal

NETR
Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara

NIA
Aspirasi Pelaburan Nasional

NIMP 2030
Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030

OPEC
Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum

TINJAUAN EKONOMI DAN MONETARI 2023

OPR
Kadar Dasar Semalaman

PACU
Unit Percepatan dan Koordinasi Projek

PFLNG2
PETRONAS Floating Liquefied Natural Gas Dua

PKP
Perintah Kawalan Pergerakan

PKS
Perusahaan kecil dan sederhana

PMTK
Pembentukan modal tetap kasar

PPN
Pelan Pemulihan Negara

Rangkaian 5G
Rangkaian Generasi Kelima

ROS
Rantau Kestabilan

SDR
Hak Pengeluaran Khas

SIP
Sistem Insurans Pekerja

SRR
Keperluan Rizab Berkanun

UK
United Kingdom

WSTS
Perangkaan Perdagangan Semikonduktor Dunia